



MAJLIS BANDARAYA IPOH

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3/2017

Rujukan : Bil (9) dlm.MBI.B1 /12/1/12 Jld 2

Jabatan Perbendaharaan
Majlis Bandaraya Ipoh

19 April 2017

Setiausaha Bandaraya
Pengarah Kanan Bandaraya
Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit
Pegawai Aset PTJ
Pembantu Tadbir Kewangan PTJ
Majlis Bandaraya Ipoh

PEMBAHARUAN KEPADA SENARAI SEMAK BAUCER PEMBAYARAN – SENARAI SEMAK DAFTAR ASET ALIH (KEW PA 2 / 3)

Dengan hormatnya saya memohon perhatian pihak tuan/puan kepada perkara di atas.

2. Berhubung dengan perkara ini, adalah dimaklumkan bahawa bagi memperkemas dan memantapkan lagi Pengurusan Aset Alih Kerajaan khususnya bagi Daftar Aset Alih (KEW PA 2 / 3), pihak Majlis akan membuat **pembaharuan kepada Senarai Semak Baucer Pembayaran dengan penambahan kepada Senarai Semak Daftar Aset Alih (KEW PA 2 / 3).**

3. Untuk makluman, penambahan ini bertujuan untuk memastikan Daftar Aset Alih (KEW PA 2 / 3) telah **dikemaskini, dicetak dan dilengkapkan** selepas pendaftaran **aset alih secara automatik** dilaksanakan sebelum pembayaran dilakukan kepada pihak pembekal.

4. Sehubungan dengan itu, pihak tuan/puan perlulah mematuhi pembaharuan dalam Senarai Semak Bagi Baucer Pembayaran tersebut sebelum mengemukakan ke Unit Belanja bagi memastikan **proses pembayaran kepada pihak pembekal berjalan dengan lancar tanpa dikenakan kuiri**. Bersama-sama ini dilampirkan pembaharuan Senarai Semak Baucer Pembayaran tersebut seperti di **Lampiran 1**.

ARAHAN KEWANGAN BIL. 3/2017


5. Oleh yang demikian, sukacita sekiranya pihak tuan/puan memastikan anggota dibawah seliaan di jabatan/bahagian/unit tuan/puan untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi pembaharuan yang akan dilaksanakan ini. Diharapkan dengan penambahbaikan ini dapat melancarkan lagi proses pembayaran secara amnya dan khususnya Pengurusan Aset Alih Majlis Bandaraya Ipoh.

6. **Perlaksanaan Arahkan Kewangan ini adalah berkuatkuasa serta merta.**

Sekian, dimaklumkan, terima kasih.

"IPOH BERSIH, HIJAU DAN MAJU"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh

"INOVASI DIDEPANI, VISI DIREALISASI"

SENARAI SEMAK BAUCER PEMBAYARAN
SILA ISIKAN SENARAI SEMAK BAUCER PEMBAYARAN INI SEBELUM
KEMUKAKAN KE UNIT BELANJA

- | | |
|--|----------------------|
| 1) KOD VOT BETUL? | <input type="text"/> |
| 2) DIBAJETKAN / BAKI PERUNTUKAN ADA? | <input type="text"/> |
| 3) TANDATANGAN PEGAWAI MENGESAH DAN BILANGANNYA MENCUKUPI? | <input type="text"/> |
| 4) TANDATANGAN PENGESAH SAMA DENGAN KAD CONTOH? | <input type="text"/> |
| 5) TANDATANGAN PEGAWAI PENYEDIA DAN TARIKH ADA? | <input type="text"/> |
| 6) NAMA DAN ALAMAT PEMBEKAL BETUL? | <input type="text"/> |
| 7) ADA NOMBOR AKAUN BANK ATAU KAD PENGENALAN? | <input type="text"/> |
| 8) BAHAGIAN B DAB C (SALINAN ASAL) LENGKAP? | <input type="text"/> |
| 9) TARIKH PESANAN SEBELUM TARIKH BEKALAN (INBOIS)? | <input type="text"/> |
| 10) AMAUN DI INBOIS SAMA DENGAN DI 1/86? | <input type="text"/> |
| 11) INSURAN (SEKIRANYA PERLU)? | <input type="text"/> |
| 12) RESIT INSURAN (SEKIRANYA PERLU) | <input type="text"/> |
| 13) BON PELAKSANAAN (SEKIRANYA PERLU) | <input type="text"/> |
| 14) TIADA PERJANJIAN | |
| 1) TERTANGGUH DI PIHAK PEMBEKAL | <input type="text"/> |
| 2) TERTANGGUH DI PIHAK MAJLIS | <input type="text"/> |

15) SENARAI SEMAK DAFTAR ASET ALIH (KEW PA 2 / 3)

1 KEMASKINI (SISTEM SPBT 6i - MODUL ASET/AABR)

LOKASI

KOD ANGGOTA / PEMANDU / PENGGUNA

2 CETAK KEW PA 2 / 3

LINGKAPKAN

(CTH: T/T KETUA JAB., PENGGUNA DAN TARIKH)

SALINAN DILAMPIRKAN UTK SETIAP UNIT

CATATAN:

HARTA MODAL (KEW PA 2):

K - KENDERAAN
M - MESIN
R - JENTERA
G - BARANGAN
Q - PERALATAN ICT



ASET BERNILAI RENDAH (KEW PA 3):

P - PERABOT
J - ALAT PEJABAT
L - BEKALAN
V - PERALATAN ICT

- 16) LAIN-LAIN
-
-

SILA TANDAKAN (/) PADA KOTAK YANG DISEDIAKAN